

26/07/2002

Nik Aziz bercita-cita jadi diktator: Dr Mahathir

Othman Mamat; Ahmad Ghazali Musa; Abdul Razak Raaff  
PASIR GUDANG, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan cadangan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, supaya diadakan pilihan raya mengikut sistem satu parti sebagai tindakan ke arah pembentukan pemerintahan diktator.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menganggap Menteri Besar Kelantan itu mempunyai cita-cita menjadi seorang diktator yang dapat mengawal satu parti yang memerintah kerajaan.

"Cadangan itu jelas sekali menunjukkan Nik Aziz tidak puas hati dengan pemerintahan demokrasi yang sedang diamalkan kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN) sekarang," katanya pada sidang media selepas melawat Pelabuhan Johor di sini, petang ini.

Dr Mahathir mengulas cadangan Nik Aziz yang mahu pilihan raya sistem satu parti bagi menangani masalah kempen tidak beretika seperti berlaku, baru-baru ini.

Sistem yang dicadangkan Mursyidul Am Pas itu dikatakan mampu melahirkan pemimpin yang baik dalam aspek akhlak, selain boleh mengatasi masalah perebutan kerusi, politik wang, pengundi hantu dan menjadi penyelesaian masalah perpecahan Melayu dan masyarakat Islam di negara ini.

"Cadangan ke arah pemerintahan diktator dan menunjukkan beliau (Nik Aziz) nak jadi diktator. Dia nak satu parti yang bolehkan beliau kawal dan dalam parti itu mungkin dia boleh kata keputusan perlu dirujuk kepada ulama iaitu beliau sendiri.

"Itu yang beliau nak sebenarnya...beliau tidak berapa senang dengan demokrasi," katanya

Hadir sama, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Timbalannya, Datuk Seri Ramli Ngah Talib dan Pengerusi Johor Port Berhad, Datuk Mohd Taufik Abdullah.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir menjelaskan, pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) perlu bersatu hati dan mengelak berselisih faham mengenai pelbagai isu, walaupun perkara kecil kerana ia hanya merugikan parti.

Katanya, kejayaan yang dicapai negara pada masa ini adalah hasil usaha kerajaan di bawah pentadbiran kepemimpinan BN dan hanya parti BN mempunyai keupayaan untuk memerintah negara dengan baik dan adil.

"Negara tidak boleh mencapai kejayaan tanpa BN. Tetapi jika kita berselisih faham, bertengkar dan bergaduh, walaupun mengenai perkara kecil, ia hanya menyebabkan kita rugi," katanya.

Dr Mahathir berkata, kejayaan BN memerintah kerajaan dan mahu rakyatnya hidup dengan mengutamakan perbezaan kaum sangat berbeza dengan keadaan parti pembangkang yang hanya memberi tumpuan kepada penyokong mereka.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sudah mengatur pelbagai rancangan bagi meningkatkan perpaduan dan keharmonian kaum sehingga mereka dapat bekerjasama dalam pelbagai perkara.

"Namun ada pihak yang tidak suka melihat murid dan pelajar Melayu bercampur dengan pelajar Cina di sekolah atau tinggal sama-sama dalam satu asrama kerana tujuan mereka ialah mahu memecah belah sehingga menyebabkan mereka bergaduh dan akhirnya menjadikan negara ini tidak lagi stabil," katanya.